

MEMARTABATKAN AGENDA PERJUANGAN ISLAM

Mukadimah

Pada perhimpunan Mesyuarat Agung 26 Mac 2011 yang lalu, saya telah mengemukakan pandangan strategik Isma dalam menghadapi senario politik semasa.

Saya telah menggariskan jalan keluar yang ideal kepada umat Islam dan pendirian-pendirian semasa berasaskan kaedah ijihad fiqh dan bacaan yang menyeluruh terhadap realiti Malaysia dari geografi, sejarah dan kemajmukan penduduknya.

Kita telah lancarkan satu slogan keramat yang telah menjadi perbincangan hangat dalam kalangan anggota masyarakat iaitu; **Melayu Sepakat Islam Berdaulat (MSIB)**.

Kita juga telah menjelaskan kepada masyarakat tajuk-tajuk penting sekitar MSIB seperti isu Islam dan Melayu, perpaduan dan persepakatan, Ketuanan Melayu, agenda perjuangan, liberalisme, pluralisme, asobiyah, Kristianisasi, wala' dan bara', tahalluf siyasi dan banyak lagi.

Alhamdulillah kemunculan kita semakin dirasai. Kempen kita itu telah memberi kesan yang signifikan/ketara kepada agenda perjuangan Islam dan Melayu yang semakin dikesampingkan dalam senario politik semasa.

Ada pihak yang merasai tekanan terpaksa memasukkan agenda Islam dan Melayu dalam janji-janji pilihanraya mereka. Ada yang merasakannya satu "*input*" strategik kepada survival politik mereka, lalu memasukkan agenda ini dalam ucapan politik mereka.

Kini wujud keberanian umum dalam kalangan pimpinan Islam untuk membela nasib bangsa, bangun mempertahankan maruah dan akidah umat Islam.

Manakala musuh pula dilihat lebih berhati-hati sebelum berkata-kata, menghisab sebelum berbicara walaupun kita tahu mereka masih konsisten dengan agenda mereka.

Alhamdulillah, mungkin ini satu petanda baik menunjukkan kebenaran langkah-langkah kita, namun perjuangan masih jauh, perjalanan masih panjang dan cabaran yang semakin sukar.

Dalam pada itu, kita juga berhadapan dengan berbagai-bagai tentangan dari pihak tertentu bukan kerana perjuangan kita salah tetapi kerana mereka menyangka ia tidak menguntungkan perjuangan politik mereka atau menguntungkan musuh politik mereka.

Namun bahtera belayar terus, bergerak dengan penuh keyakinan. Kita yakin dengan manhaj kita, kita percaya dengan fikrah kita yang jelas dan tersendiri. Kita bekerja mengikut perancangan yang diatur rapi, melangkah fasa demi fasa dan marhalah demi marhalah. Insya Allah kita akan mara ke destinasi dengan izin Allah SWT sama ada manusia suka atau tidak.

Demi memperkasakan lagi seruan kita di arus perdana perjuangan, Isma pada tahun ini membuat keputusan untuk menyertai pentas politik dengan menghantar calon bertanding dalam PRU 13. Kita berharap ia menjadi pentas perjuangan yang berkesan untuk menyuarakan agenda perjuangan Islam.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada tahun ini saya akan menumpukan perbicaraan berhubung dengan **“Memartabatkan Agenda Perjuangan Islam”**.

Saya memilih tema ini memandangkan agenda perjuangan Islam semakin hari semakin lenyap dari diperkatakan akibat terpengaruh dengan slogan-slogan dan tema-tema asing yang diadaptasi daripada ideologi import.

Tuan-tuan dan puan sekalian.

Hubungan perjuangan Islam dengan pembangunan umat adalah hubungan saling sempurna menyempurnakan antara satu sama lain. Tidak dapat digambarkan wujud umat tanpa Islam sebagaimana tidak dapat digambarkan tertegak Islam tanpa umat.

Kita tahu permulaan perjalanan perjuangan Rasulullah SAW dalam menegakkan Islam adalah dengan pembentukan jamaah Islam yang pertama. Jamaah yang bertaut di atas akidah itu akhirnya membesar menjadi umat.

Individu bergabung dengan individu, keluarga dengan keluarga, masyarakat dengan masyarakat, kabilah dengan kabilah, kaum dengan kaum dan bangsa dengan bangsa membentuk satu umat.

Mereka ini disebutkan oleh Allah sebagai *al-ummah al-Islamiah* yang bersatu di atas asas akidah.

Wala' dan intima'

Islam adalah agama yang berdiri di atas *wala'* (pertalian kasih sayang, tanggungjawab dan taat setia) dan *intima'* (penggabungan diri). Umat Islam, setengah mereka adalah wali kepada setengah yang lain. Setiap individu dan jamaah berintima' (bergabung) kepada kelompok umat yang besar.

Di dalam al-Quran Allah SWT menjelaskan tali perhubungan antara umat Islam.

Dalam surah al-Maidah ayat 55 Allah SWT berfirman;

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ

Maksudnya;

Sesungguhnya Penolong kamu ialah Allah dan RasulNya, serta orang-orang yang beriman yang mendirikan solat dan menunaikan zakat dalam keadaan mereka ruku' (tunduk menjunjung perintah Allah).

Allah SWT juga berfirman dalam surah al-Taubah ayat 71;

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya;

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan setengahnya menjadi penolong bagi setengah yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan dan mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat, serta mentaati Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.

Allah SWT juga berfirman dalam surah al-Maidah ayat 56;

وَمَنْ يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَالِبُونَ

Maksudnya;

Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman itu sebagai penolongnya (maka berjayalah dia) kerana sesungguhnya golongan (yang berpegang kepada agama) Allah itulah yang tetap menang.

Hubungan wala' dan intima' inilah yang menjadi asas kepada pembentukan negara Madinah. Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 72;

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَاوَأُوا وَتَنَصَرُوا أُولَئِكَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَهَاجِرُوا مَا لَكُمْ مِنْ شَيْءٍ حَتَّىٰ يُهَاجَرُوا وَإِنِ اسْتَنْصَرُوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمْ النَّصْرُ إِلَّا عَلَىٰ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya;

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Islam yang berhijrah itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain. Dan orang-orang yang beriman yang belum berhijrah, maka kamu tidak bertanggungjawab sedikitpun untuk membela mereka sehingga mereka berhijrah. Dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) ugama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian setia di antara kamu dengan mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Melihat akan apa yang kamu lakukan.

Hubungan akidah ini telah diangkat martabat oleh Allah SWT sebagai hubungan ukhuwwah. Di mana hubungan orang yang beriman sesama mereka seperti hubungan adik beradik yang mempunyai hubungan pertalian darah.

Allah SWT menetapkan pula qanun (undang-undang) bahawa mereka wajib bantu-membantu dalam kalangan mereka.

Rasulullah SAW bersabda;

عن أبي هريرة رضي الله عنه، قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم لا تحاسدوا ، ولا تتاجشوا ، ولا تباغضوا ، ولا تدابروا ، ولا يبيع بعضكم على بيع بعض، وكونوا عباد الله إخوانا المسلم أخو المسلم ، لا يظلمه ، ولا يخذله ، ولا يكذبه ، ولا يحقره ، التقوى هاهنا – ويشير إلى صدره ثلاث مرات – بحسب امرئ من الشر أن يحقر أخاه المسلم كل المسلم على المسلم حرام : دمه وماله وعرضه. رواه مسلم

Daripada Abi Hurairah r.a berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: “Janganlah saling mendengki, saling menipu, saling membenci, saling membelakangi dan janganlah sebahagian kamu membeli barang yang telah dibeli oleh orang lain. Jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara. Seorang Muslim adalah saudara bagi muslim yang lain. Dia tidak patut menzalimi, membohongi, dan merendahnya. Takwa itu di sini (beliau menunjukkan dadanya tiga kali). Cukuplah seseorang dikatakan buruk jika sampai menghina saudaranya sesama setiap Muslim adalah haram bagi Muslim yang lain.”
(Riwayat Ahmad no. 7713 dan Muslim no. 2563)

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Dalam ucapan dasar yang lalu saya telah jelaskan kedudukan bangsa Melayu dalam perjuangan Islam.

Sejarah menunjukkan dengan jelas dan nyata, *intima*’ bangsa Melayu kepada keluarga besar umat Islam di seluruh dunia. Saya jelaskan juga bahawa wala’ akidah tidak menghapuskan *intima*’ kepada bangsa dan tanah air. Bahkan di negara Madinah hijrah adalah syarat kepada hubungan wala’. Mereka yang tidak berhijrah terputus hak hubungan wala’ mereka.

Berdasarkan kejelasan *wala*’ dan *intima*’ ini Isma menetapkan agenda perjuangannya. Perjuangan Isma ialah perjuangan membangunkan sebuah umat yang beriman, percaya kepada risalah perjuangan dan menghayatinya dalam kehidupan mereka.

Sebuah agenda perjuangan yang besar demi mengembalikan ummah pada zaman kegemilangannya. Zaman di mana Islam berdaulat dan maruah umat Islam terbela di muka bumi mereka sendiri.

Demikianlah matlamat perjuangan Islam kita.

Atas dasar itu kita mengenang semula zaman kegemilangan Kerajaan Islam Melayu Melaka. Kita hubungkan *intima*’ alam Melayu kepada dunia Islam yang luas. *Tasalsul* (rantai) umat demi umat sehingga sampai kepada Sahibu al-Risalah SAW.

Sahsiah kita adalah sahshiah umat sejagat supaya manusia faham bahawa perjuangan ini bukan bid’ah atau agenda yang diimport dari Timur atau dari Barat.

Humanisme merungkai *wala*’ dan *intima*’

Hari ini umat Islam diserang dengan fahaman humanisme. Satu fahaman yang mengingkari kewujudan Tuhan yang mencipta di mana manusia adalah hamba yang wajib patuh kepada peraturan dan syariat yang dipasarkan melalui fahaman liberalisme dan pluralisme.

Melalui fahaman ini para propagandis Barat dan para proksi mereka di dalam negara Islam cuba memusnahkan hubungan *wala*’ dan *intima*’ individu umat Islam kepada agama, bangsa dan watannya.

Dengan menerapkan fahaman ini melalui berbagai-bagai terma hak, kebebasan individu, kesamarataan, keadilan sosial tanpa disedari mereka merungkai hubungan *wala'* seakidah dan *intima'* keluarga, sebangsa dan setanah air kepada *wala'* baru yang lebih luas tanpa mengira bangsa dan agama.

Hasil daripada itu tertanam dalam diri generasi muda Islam fahaman *multi-racial* yang menerima kesamarataan mutlak di atas dasar humanisme. Generasi yang bebas dari sebarang panduan akhlak dan sanggup berlaku biadap terhadap agama dan bangsa sendiri.

Mereka adalah generasi baru umat yang siap untuk menerima penguasaan bangsa asing dan hilang segala perasaan *ghirah* (cemburu) terhadap harga diri, maruah bangsa dan kedaulatan agama sendiri. Humanisme telah menghancurkan keperibadian ummah dan menjadikannya tercerai berai.

Kesan humanisme kepada agenda perjuangan Islam

Fahaman ini bukan sahaja telah mempengaruhi individu bahkan juga telah mempengaruhi gerakan Islam. Ramai dalam kalangan tokoh politik dan pemimpin gerakan Islam kini yang terpengaruh dengan fahaman liberalisme dan pluralisme.

Mereka cuba mensejajarkan perjuangan Islam dengan idea yang terdapat dalam kefahaman tersebut. Mereka berfikir bahawa mereka telah melakukan permodenan kepada perjuangan Islam walhal mereka tidak sedar, mereka sebenarnya sedang menghancurkan agenda perjuangan Islam itu sendiri.

Bagaimana boleh digambarkan mereka menegakkan agenda perjuangan Islam sedangkan pada hakikatnya mereka meruntuhkan keperibadian dan batang tubuh umat itu sendiri. Mereka menceraikan-beraikan hubungan *wala'* akidah dan *intima'* watani yang selama ini menjadi asas pembangunan umat untuk mereka bina di atasnya masyarakat baru yang berasaskan humanisme.

Bagaimana boleh digambarkan di atas tapak masyarakat madani yang "*la dini*" (tidak beragama) ini akan tertegaknya hukum dan peradaban Islam.
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Perhatikanlah bagaimana fahaman liberalisme dan pluralisme agama telah mengubah "*marjaiyyah*" (rujukan) perjuangan daripada al-Quran dan Sunnah kepada Piagam Hak Asasi Manusia.

Kita dapat saksikan *Lahjah* (nada bahasa) pengucapan Islami secara automatik berubah. Dengan itu muncul istilah Islam demokrasi, Islam liberal dan muslim moderate dan sebagainya.

Perkara yang satu masa dahulu menjadi fundamental/asas dalam fahaman dakwah bahawa tidak boleh mencampur adukkan antara Islam dan ideologi jahiliah, kini semua sudah menjadi normal.

Perubahan arah gerakan Islam ini menyebabkan lenyapnya isu ummah. Agenda perjuangan Islam terseleweng daripada sifatnya yang syumul kepada matlamat tampalan yang disejajarkan dengan ideologi lain.

Mereka “menjustifikasikan” pegangan mereka ini dengan menganggap bahawa mereka memperjuangkan Islam secara *substance* bukan lagi sebagai retorik. Mereka mengislamisasikan fahaman “humanisme” dan mereka namakannya sebagai “ukhuwwah insaniah”. Kemudian mereka samakannya dengan konsep “kesejagatan Islam”.

Memang “kesejagatan Islam” adalah merangkumi semua bangsa dan kaum, tetapi mereka disatukan atas dasar akidah, sebaliknya “humanisme” adalah kesatuan atas dasar manusiawi tanpa mengira akidah dan kaum.

Dalam kerangka fikiran sama, dicairkan istilah negara Islam kepada negara berkebajikan atas alasan strategi, diangkat slogan “*karamah insaniyah*” kemuliaan insan untuk dijadikan landasan perjuangan menggantikan konsep “*khaira ummah*” yang berasaskan *wala’ dan bara’*.

Dengan slogan baru ini mereka dapat menghilangkan penghadang antara muslim dengan non muslim dan mengaplikasikan mafhum (konsep) kesamarataan mutlak (multi-racial) dengan wajah Islam.

Berdasarkan konsep “*ukhuwwah insaniah*” ada yang mentafsirkan “Islam rahmat untuk sekalian alam” sebagai asas kehidupan “*madani la dini*” (tidak berteraskan agama) di bawah Rahmat Tuhan tanpa perlu lagi seseorang manusia itu mengucapkan dua kalimah syahadah atau dengan menganut apa-apa agama sahaja.

Yang lebih berat daripada itu, ada yang sanggup mengatakan bahawa ayat-ayat *wala’* yang menjadi asas hubungan *intima’* dalam sistem kemasyarakatan dan kenegaraan Islam dianggap sebagai “*mansukh*” (batal) kerana bercanggah dengan *mafhum* (konsep) “*ukhuwwah insaniyah*”, yang dianggap lebih “*muhkam*” (nyata).

Ada juga yang mengharamkan kerjasama sesama Islam (Melayu) kerana ia membawa maksud perkauman sempit dan kerjasama atas kezaliman (asobiah) yang bertentangan dengan konsep keadilan dan kesamarataan dalam fahaman *multi-racial*.

Ada juga yang cuba menjustifikasikan fahaman *multi-racial* dengan konsep tahaluf siasi dalam Islam. Sangat besar perbezaan antara tahaluf siasi dengan konsep kesamarataan *multi-racial*.

Tahaluf siasi adalah satu bentuk dasar hubungan luar antara kumpulan Islam dengan kumpulan bukan Islam. Ia terikat dengan hukum “*i’ anah*” (membantu) dan “*isti’ anah*” (minta bantuan) yang dilaksanakan dengan syarat yang sangat ketat. Tiada kesamarataan dalam konsep tahaluf siasi.

Konsep kerjasama dalam perkara “kemuliaan al-akhlak” dan memerangi kefasadan yang diambil dari peristiwa “*al-hilfu al-fudhul*” (persepakatan kebajikan) tidak sampai ke tahap mengharuskan tahaluf siasi dan tidak juga menyokong konsep kesamarataan mutlak (multi-racial).

Akhirnya mereka yang dahulunya terkenal sebagai seorang pejuang Islam kini memperjuangkan politik yang bebas pengaruh agama dan bangsa untuk membentuk

masyarakat “*madani la dini*” (tidak berteraskan agama). Mereka sanggup berjuang dalam parti liberal dan parti sosialis.

Mereka berfikir itu adalah inti (substance) kepada perjuangan keadilan Islam walhal tanpa mereka sedari mereka telah terperangkap dalam agenda liberalisme dan pluralisme agama.

Demikian kita dapat melihat bagaimana liberalisme dan pluralisme menghancurkan keperibadian ummat, menanamkan permusuhan sesama Islam dan menghapuskan *ghirah*(cemburu) terhadap maruah bangsa dan kedaulatan agama. Tuan- tuan dan puan-puan sekalian

Konsep keadilan dan kesamarataan mutlak ini satu pembohongan semata-mata. Ia tidak lebih hanya satu propaganda dan agenda politik untuk menghancurkan struktur binaan masyarakat dan umat Islam.

Meleburkan *wala*’ dan *intima*’ mereka sehingga mereka sanggup menerima orang lain dari bangsa dan agama mereka untuk memimpin mereka.

Hakikatnya bangsa yang mempromosi agenda ini sangat fanatik dan cauvinis sifatnya. Jika benarlah wujud perjuangan kesamarataan di dunia nescaya tidak ada orang mati kelaparan di Somalia, tiada negara yang terjajah dan seterusnya tiada bangsa yang merompak ekonomi bangsa lain.

Firman Allah SWT dalam surah al-Imran ayat 118;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بَطَانَةً مِنْ دُونِكُمْ لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُومًا مَا عِنْتُمْ قَدْ بَدَتِ الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي
صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ قَدْ بَيَّنَّا لَكُمْ الْآيَاتِ إِنْ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya;

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil menjadi teman kepercayaanmu orang-orang yang di luar kalanganmu (karena) mereka tidak henti-hentinya (menimbulkan) kemudharatan bagimu. Mereka menyukai apa yang menyusahkan kamu. Telah nyata kebencian dari mulut mereka, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka adalah lebih besar lagi. Sungguh telah Kami terangkan kepadamu ayat-ayat (Kami), jika kamu memahaminya.

Isma dan keadilan

Isma berkeyakinan bahawa keadilan hakiki ialah dengan melaksanakan syariat Allah SWT.

Keadilan dalam Islam tidak bererti kesamarataan mutlak atau membahagi kekayaan negara sama rata atau sama banyak antara semua kaum. Keadilan adalah meletakkan sesuatu sesuai dengan tempatnya.

Tidak sama lelaki dengan wanita, muslim dengan bukan muslim, mereka yang merupakan penduduk asal dengan pendatang, orang jahil dengan orang berilmu.

Ya, Islam mengiktiraf kesamarataan berhadapan dengan undang-undang dan peraturan. Tiada perbezaan antara pembesar buat salah dengan orang miskin buat

salah, tiada beza orang kaya dengan orang miskin dan begitulah dalam perkara berkaitan dengan akhlak.

“Kalau Fatimah anak Muhamad mencuri nescaya aku akan potong tangannya”. Contoh keadilan Islam dari jenis ini sangat banyak dalam sejarah Islam.

Keadilan Islam akan tertegak dengan terbentuknya masyarakat yang menghayati Islam dalam kehidupan sosial dan politiknya. Di sana wujud perbezaan keadilan dalam Islam dengan apa yang difahami oleh sesetengah pihak hari ini ialah dari segi sifatnya yang organik “udhwe” dalam masyarakat Islam berbanding “wazifi” kepada setengah yang lain.

Seorang yang adil dalam pengertian Islam ialah mereka yang tidak melakukan dosa besar dan tidak berterusan melakukan dosa kecil. Demikian wali yang adil dan pemerintah yang adil. Ciri keIslaman yang baik adalah syarat utama kepada sifat adil dalam Islam. Tidak mungkin seorang yang kafir disifatkan dengan wali dan pemerintah yang adil.

Hari ini manusia hanya mengukur keadilan dari aspek “wazifi” dalam melaksanakan tugas atau keputusan. Pemerintah yang adil ialah pemerintah yang membahagikan samarata kepada semua kaum, kalau ia memberi 100 juta kepada Melayu dia kena bagi 100 juta juga pada Cina dan India.

Islam tidak melihat keadilan seperti itu. Keadilan di sisi Islam ialah orang Melayu Islam mesti diiktiraf sebagai pemerintah negara yang memiliki keistimewaannya yang tersendiri dan mereka yang bukan Islam diberi hak dan perlindungan untuk hidup merdeka, menikmati keamanan dan kebahagiaan. Kita tidak mengiktiraf keadilan di mana orang kafir mempunyai hak politik yang sama dengan orang Islam dan penduduk peribumi diberi hak sama rata dengan pendatang.

Pandangan Isma terhadap pengislahan politik di Malaysia

Barang sudah tentu bahawa kita perlu merujuk kepada konsep siasah syariah dalam menentukan pendirian penting ini.

Isma bersetuju konsep urus tadbir yang baik (good governance), pemisahan kuasa, ketelusan, integriti dan menganggapnya bertepatan dengan konsep amanah dalam Islam.

Isma bersetuju bahawa rasuah, pecah amanah, mengkhianati perjuangan umat dan mengeksploitasi kekayaan negara harus dihapuskan. Kita mesti lahirkan masyarakat yang bertakwa, beramanah, berdisiplin, setia dan mengutamakan kepentingan umum mengatasi kepentingan sendiri.

Walaupun Isma melihat permasalahan politik di Malaysia lebih luas dari semata-mata isu urus tadbir. Ia lebih luas dan mendasar dari itu, bahkan melibatkan masalah “*huwiyyah*” (identiti) negara itu sendiri.

Dalam masa kita menyeru dan mendesak agar urus tadbir dilaksanakan dengan bersih, amanah dan bertanggungjawab, dalam masa yang sama kita mempertahankan “*huwiyyah*” negara dari terhapus dan lenyap. Inilahimbangan pendirian politik yang cuba dilakukan oleh Isma.

Percaturan politik yang kita saksikan hari ini antara kuasa-kuasa dan pihak yang berpengaruh dari luar dan dalam negara bukan sahaja dalam hal pembaikan urus tadbir tetapi sebaliknya mencabar survival umat dan masa depan Islam itu sendiri.

Fahaman liberal demokratik akan merubah *marjaiyyah* (rujukan) negara daripada Islam kepada Piagam Hak Asasi Manusia. Ia akan menyebabkan peruntukan dalam perlembagaan yang memihak kepada Islam dan Melayu serta umat Islam dianggap diskriminasi, membuli dan bercanggah dengan konsep keadilan dan kesamarataan. Merubah masyarakat dari bertahkim kepada Allah kepada bertahkim kepada rakyat. Merubah negara yang berteraskan Melayu Islam kepada multi-racial.

Seperti yang disebutkan di awal ucapan dasar, ini akan diambil kesempatan oleh golongan bukan Islam untuk merubah “*mu’adalah ijtimaiyyah*” (struktur sosial) dalam masyarakat sebagai langkah ke arah penguasaan mereka di bidang politik dan seterusnya merubah identiti negara kepada sekular atau menjadi negara Kristian. Oleh itu pendirian Isma jelas dalam hal merubah kemungkaran salah laku urus tadbir tidak boleh menyebabkan kemungkaran yang lebih besar sehingga mengubah identiti negara.

Apabila Isma menyeru kepada perpaduan dan persepakatan bermakna Isma menuntut semua pihak yang mewakili umat Islam bersepakat dalam hal mempertahankan identiti negara sebagai negara Islam yang mana Islam tertegak di dalamnya dan maruah umat Islam terbela.

Ada pun persoalan berkaitan tingkah laku maka perlu diselesaikan secara perbincangan dan bermuzakarah. Perbalahan politik sesama umat Islam jangan sampai jadi seperti pertentangan dengan musuh Islam.

Sekali lagi Isma berpendapat bahawa perbalahan politik sesama umat Islam tidak mengharuskan kerjasama dengan bukan Islam sehingga mengakibatkan kekuasaan umat Islam musnah.

Arab Spring

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Rasanya tidak sempurna ucapan kalau tidak menyentuh mengenai “*Arab Spring*”. Saya berpendapat bahawa “*Arab Spring*” adalah satu proses semula jadi. Ia bukan perubahan Islam dan bukan juga perubahan liberal secara total, walaupun Islam dan liberal ada peranan dalam isu ini.

Mungkin penyebab utama ialah tekanan hidup yang sudah tidak tertanggung oleh masyarakat di negara Arab.

Isma tidak melihat idea mengimport revolusi ke Malaysia munasabah. Apa lagi keadaan di negara Arab berbeza dari segi posisi gerakan Islam yang lebih dominan berbanding gerakan liberal.

Ikhwan sendiri dalam pemikiran mereka tidak percaya kepada revolusi, sebab itu Ikhwan bukan penggerak utama kepada revolusi. Namun setelah melihat ia satu yang pasti berlaku maka mereka membuat keputusan untuk mengambil bahagian demi memandu negara ke arah yang lebih baik.

Sesetengah orang menganggap perubahan itu sebagai perubahan Islam, dan mendakwa bahawa Ikhwan mendokong liberalisme dan sekularisme untuk menjatuhkan rejim diktator. Mereka keliru dengan istilah masyarakat sivil yang rujukannya Islam yang dipakai oleh Ikhwan dengan masyarakat sivil yang tidak beragama yang dibawa oleh golongan liberal di Malaysia.

Dakwaan itu tidak benar sama sekali. Bukti yang jelas ialah sampai hari ini golongan liberallah yang menjadi penghalang cita-cita negara Islam yang dibawa oleh Ikhwan.

Justeru Isma menolak sama sekali keinginan mana-mana pihak untuk mengimport *Arab Spring* ke Malaysia dengan alasan:

1. struktur sosio politik yang lebih 90% merupakan umat Islam berbanding Malaysia yang mana 60% muslim berpecah belah.
2. gerakan Islam yang lebih dominan berbanding puak liberal.
3. Rejim-rejim di negara Arab;
 - i. Diktator yang mengumpul kuasa pada seorang individu. Tidak pernah berlaku pilihanraya yang sebenar.
 - ii. Tali barut yang menjalankan agenda musuh serta membelakangkan kepentingan masyarakat sendiri.
 - iii. Korupsi dan kefasadan sampai tahap sumber negara dikebas oleh penguasa sehingga mengabaikan langsung agenda pembangunan masyarakat.
 - iv. menentang Islam dengan menghalang syiar Islam terlaksana seperti azan, hijab wanita dan sebagainya.
 - v.

Ciri-ciri tersebut tidak sepenuhnya berlaku di Malaysia. Sebaliknya Malaysia telah semenjak dahulu menjalankan pilihanraya dan nisbah penduduk Malaysia keluar mengundi adalah tinggi. Kerajaan yang mempunyai agenda pembangunan walaupun tidak dinafikan rasuah berlaku, mengadakan berbagai-bagai program Islam dan bukan merupakan boneka kepada mana-mana kuasa asing.

Isma juga tidak bersetuju konsep “negara bebas sebelum negara syariah’ diaplikasikan di Malaysia kerana Malaysia pada kadarnya adalah negara yang bebas.

Walaupun ada kelemahan dari segi perlaksanaan di sana sini tetapi ia tidak wajar untuk diqiaskan dengan situasi di negara Arab sehingga kita ingin mengimport revolusi tanpa mengira akibat kepada Islam dan masa depan umat.

Isma dan perubahan kerajaan

Isma menerima konsep pertukaran kuasa secara aman. Walaubagaimana pun Isma berpendapat bahawa penukaran kuasa pemerintahan hendaklah dilakukan berdasarkan pertimbangan fiqh siyasi bukan semata-mata mengikut proses demokrasi. Fatwa perlu dikeluarkan oleh ulama yang muktabar samada pertukaran kerajaan dalam kes seperti hari ini harus atau sebaliknya berdasarkan fiqh muwazanah (pertimbangan antara masalah dan mudhorat).

Saya nukilkan teks Imam Haramain dalam kitabnya Ghiyathul Umam yang antara lain menyebut;

Sekiranya kita mengetahui bahawa melantik imam menyebabkan kerugian, menumpahkan darah, berdepan dengan malapetaka besar, mengorbankan nyawa dan

memusnahkan harta maka kewajarannya ialah dengan membuat perbandingan antara keadaan sukar yang terpaksa ditanggung dengan apa yang mungkin berlaku selepas percubaan menggantikannya.

Andainya keadaan yang sedia ada lebih buruk tanggungannya berbanding apa yang akan berlaku semasa memecatnya maka hendaklah ditanggung apa kemungkinan yang akan berlaku bagi menolak bala yang sedia ada. Jika sekiranya keburukan daripada memecat lebih besar daripada apa yang sedang ditanggung, maka tidak perlu sibuk untuk memecat bahkan wajib meneruskan yang sedia ada.

Perjuangan negara Islam di sisi Isma atau Islah siasi

Saya terlebih dahulu mengesahkan pegangan Isma bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam berdasarkan fatwa ulama yang mengatakan bahawa mana-mana negara Islam yang terjajah, kembali kepada status negara Islam selepas merdeka daripada penjajahan walaupun tidak ditadbir dengan sistem Islam sepenuhnya.

Sistem politik Islam dikenali dalam sejarah sebagai sistem “khilafah” atau “imamah”.

Kalau kita menjadikan sistem ini sebagai rujukan kita boleh menilai perlembagaan Malaysia berbanding dengan sistem imamah dalam dua aspek:

1. Struktur
2. Kandungan

Pertama dari segi struktur;

Sheikh Solah Sowi dalam kitabnya *Ta'dudiah Siasiah* berpendapat bahawa struktur pemerintahan di negara Islam pada hari ini boleh dilaksanakan mengikut sistem khilafah atau imamah.

Raja dan Yang Dipertuan Agung boleh mengambil posisi khalifah manakala Perdana Menteri sebagai “*wizarah tafwedh*”.

Wizarah tafwedh ialah jawatan pembantu pemerintah yang dilantik yang memiliki bidang kuasa yang sama seperti Imam. Sebab itu ulama menetapkan syarat *wazir tafwedh* dengan syarat yang sama seperti syarat imam dari segi ilmu, ijtihad dan lainnya.

Perlembagaan Malaysia mengekalkan Yang Dipertuan Agung sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera dan juga sebagai Ketua Agama. Ini bertepatan dengan tugas khalifah dari segi *iqamatuddin* (menjaga agama) dan menjaga dunia iaitu sempadan kedaulatan negara.

Perdana Menteri bagi pihak Yang Dipertuan Agung menjalankan semua tugas pentadbiran negara.

Apa yang tidak betulnya ialah dari segi kriteria yang perlu wujud pada diri khalifah dan perdana menteri seperti yang tercatat dalam *fiqh imamah*. Beliau hendaklah seorang yang berilmu, berkebolehan mengurus hal politik dan sebagainya seperti syarat seorang khalifah.

Kedua dari segi kandungan;

Kita dapati bahawa penggubal undang-undang tubuh negara pada waktu itu telah mengambil kira situasi sosio politik zaman penubuhan Malaysia terutama isu kedudukan Islam, Melayu, Intitusi Raja dan masyarakat majmuk.

Peruntukan-peruntukan yang menetapkan Islam sebagai agama negara, sumpah Yang Dipertuan Agung, Hak Keistimewaan Melayu, bahasa kebangsaan dan institusi raja sebagai perkara yang tidak boleh diubah adalah bertepatan dengan kehendak maqasid syarak dalam menjaga hal Islam dan kepentingan umat Islam.

Sudah barang diandai, waktu kemerdekaan dahulu tidak akan ada calon yang boleh memenuhi ciri khalifah Islam seperti dalam kitab fiqh namun dengan peruntukan-peruntukan tersebut diwujudkan bersesuaian dengan maqasid siasah syariyyah pada zaman ketiadaan khilafah.

Oleh itu dalam situasi hari ini seperti mana pada awal kemerdekaan dahulu, walaupun kita tidak dapat memenuhi ciri khilafah sebagaimana yang dituntut namun kewajipan menegakkan pemerintahan yang boleh menjaga ketertiban hukum dan hal ehwal muslimin wajib dipertahankan.

Penelitian juga mendapati wujud kesongsangan dari sudut perundangan

Dalam perkara 3(1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan. Begitu juga dalam perkara 11(4) Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Namun perundangan negara dilihat berada dalam keadaan terbalik di mana qanun sivil diletakkan lebih tinggi mengatasi undang-undang syariat.

Berdasarkan fakta di atas perjuangan Islam politik Isma tertumpu kepada perkara-perkara berikut:

1. Projek membangunkan/pengislahan umat berdasarkan tanggungjawab kifayah adalah merupakan tanggungjawab di atas bahu umat dan khalifah melaksanakan tanggungjawab bagi pihak umat.
2. Melaksanakan program latihan/penyediaan kepimpinan di semua peringkat yang boleh mengisi agenda pembangunan sebuah tamadun seperti politik, sains, ekonomi, kesenian dan berbagai-bagai bidang ilmu dan kemahiran.
3. Melakukan islah undang-undang supaya undang-undang sivil merujuk kepada syariat dan jadikan undang-undang sivil sebagai alternatif kepada bukan Islam yang tidak mahu menerima hukum Islam dilaksanakan ke atas mereka.
4. Melakukan muraqabah yang kuat ke atas tindak tanduk pemerintah sehingga mereka supaya tidak berlaku salah guna kuasa, penyelewengan dan sebagainya.
5. Memastikan konsep kepelbagaian parti supaya mematuhi kehendak siyasah syariyyah seperti mempertegaskan usul utama negara (*thawabit al-daulah*) yang mesti dipatuhi oleh semua parti politik iaitu syariah sebagai rujukan tertinggi dan menetapkan hak peranan parti bukan Islam dalam memperjuangkan hak mereka dengan syarat tidak boleh mencabar akidah dan rupa bangsa negara.

Dengan ini saya telah memberikan penjelasan terhadap konsep negara Islam yang ingin ditegakkan oleh Isma. Kita dapati sistem kenegaraan kita sudah cukup baik untuk kita bangunkan di atasnya kehendak-kehendak syariah yang lebih menyeluruh.

Usaha kita ialah membuat pengisian, penambahbaikan serta pembedaan yang diperlukan. Yang menjadi cabaran sebenarnya ialah kesediaan umat untuk melaksanakan Islam dalam kehidupan mereka dan kekuatan politik yang mengizinkan kita melaksanakan dasar mengikut al-Quran dan Sunnah.

Sebab itu perjuangan Isma sentiasa mengimbangi tuntutan mewujudkan kekuasaan politik Islam yang berwibawa dengan penekanan kepada isu urus tadbir walaupun ia juga sangat penting.

Akibat tidak wujud kekuatan politik Islam yang hakiki pihak asing berani mengambil kesempatan ke atas kepentingan kita. Jadi perjuangan politik kita ada dua aspek:

1. membuat perubahan dan pengisian yang memerlukan masa yang panjang, kehendak yang tinggi dan kesabaran yang mantap.
2. mengukuhkan kekuasaan politik yang boleh menghalang musuh dari mengambil kesempatan atas kelemahan politik umat Islam untuk mencapai tujuan dan ketamaman mereka.

Justeru saya mengulangi seruan agar semua kelompok Islam bersatu untuk membangunkan sistem politik yang boleh membawa kekukuhan kepada kuasa politik sehingga tertegaknya sistem politik Islam (khilafah) dan kedudukan orang Islam terbelah.